

PHILIPS

Air Performer

3-in-1 Air Purifier, Fan and Heater

8000i Series



AMF870



Manual pengguna

Kandungan

1	Penting	1
	Keselamatan	1
	Medan elektromagnet (EMF)	4
	Mengitar semula	4
2	Air Performer anda	5
	Gambaran keseluruhan produk	5
	Gambaran keseluruhan paparan	6
	Gambaran keseluruhan alat kawalan jauh	7
3	Bermula	8
	Memasang penapis	8
	Menggunakan kawalan jauh buat kali pertama	8
	Memahami penanda Wi-Fi	8
	Sambungan Wi-Fi	9
4	Menggunakan Air Performer	9
	Memahami bar kualiti udara	9
	Menghidupkan dan mematikan kuasa	11
	Ayunan	11
	Suis fungsi	12
	Menetapkan kelajuan kipas/suhu	12
	Mod turbo	13
	Suis mod	13
	Menyediakan kunci keselamatan kanak-kanak	14
	Menetapkan pemasa	14
	Sensor cahaya	15
5	Pembersihan dan penyelenggaraan	15
	Jadual pembersihan	15
	Membersihkan badan Air Performer	15
	Membersihkan sensor habuk	16
	Membersihkan permukaan penapis	16
	Menggantikan penuras	17
	Tetap semula penapis	18
	Menggantikan bateri	18
6	Penyimpanan	20
7	Penyelesaian masalah	20
8	Jaminan dan sokongan	23
	Pesan barang-barang ganti atau aksesori	23

1 Penting

Keselamatan

Baca manual pengguna ini dengan teliti sebelum anda menggunakan perkakas dan simpannya untuk rujukan masa depan.

Untuk memastikan prestasi yang terbaik, sila pastikan Air Performer anda dinaik taraf kepada versi terkini. Anda boleh melakukan naik taraf ini melalui aplikasi Air+.

Bahaya

- Jangan biarkan sebarang cecair atau detergen mudah terbakar memasuki perkakas untuk mencegah kejutan elektrik dan/atau bahaya kebakaran.
- Untuk mengelakkan pemanasan yang melampau dan kebakaran, jangan tutup peranti.



Amaran

- Sesetengah bahagian produk ini boleh menjadi sangat panas dan menyebabkan kelecuman. Pengawasan secara berterusan perlu diberi apabila terdapat kanak-kanak dan individu lemah.
- Perkakas ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur 8 tahun ke atas dan orang yang kurang keupayaan fizikal, deria atau mental atau kekurangan pengalaman dan pengetahuan jika mereka diberikan pengawasan dan arahan berkaitan penggunaan perkakas secara selamat dan memahami bahaya yang mungkin berlaku.
- Perkakas ini hendaklah dijauhkan daripada kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah melainkan mereka diawasi secara berterusan.
- Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan perkakas ini.
- Pembersihan dan penyenggaraan tidak sepatutnya dilakukan oleh kanak-kanak tanpa pengawasan.
- Apabila peranti beroperasi dalam mod pemanasan, suhu permukaan akan meningkat secara perlahan-lahan. Jangan sentuh salur keluar udara untuk mengelakkan kelecuman.
- Untuk mengurangkan risiko kebakaran, jauhkan tekstil, langsir, cadar atau sebarang bahan mudah terbakar yang lain pada jarak minimum 1 m dari salur keluar udara. Jangan halang salur masuk dan salur keluar udara, contohnya dengan meletakkan item di salur keluar udara atau di hadapan salur masuk udara.
- Jangan masukkan jari, batang atau objek lain ke dalam mesin untuk mencegah kejutan elektrik, kecederaan fizikal atau kebakaran.

- Peranti ini dilengkapi dengan komponen pemanasan. Jangan gunakan perkakas berhampiran dengan perkakas gas atau pendinginan.
- Jangan sembur sebarang bahan mudah bakar seperti racun serangga atau wangian di sekeliling perkakas.
- Jangan gunakan jika terdapat tanda kerosakan yang ketara pada peranti, sebagai contoh, kerosakan pada palam atau kord kuasa.
- Jangan gunakan peranti ini jika peranti telah terjatuh.
- Jika kord kuasa rosak, kord kuasa mestilah digantikan oleh Philips, pusat servis yang dibenarkan oleh Philips ataupun pihak lain seumpamanya yang layak untuk mengelakkan bahaya.
- Pastikan palam perkakas dipasangkan dengan ketat pada salur keluar elektrik untuk memastikan perkakas anda berada dalam keadaan yang sempurna. Pemasangan yang longgar di antara salur keluar AC dan palam boleh menyebabkan palam mengalami pemanasan melampau dan herotan. Hubungi juruelektik bertauliah untuk menggantikan salur keluar yang longgar atau rosak.

Awas

- Untuk mengelakkan bahaya yang disebabkan oleh penetapan semula tidak sengaja pematian terma, perkakas ini tidak boleh dibekalkan kuasa melalui peranti suis luar, seperti pemasa atau disambungkan kepada litar yang selalu dihidupkan dan dimatikan oleh utiliti.
- Hanya gunakan penapis Philips yang tulen, jika tidak prestasi penapisan tidak boleh dijamin.
- Peranti tidak boleh diletakkan betul-betul di bawah soket salur keluar.
- Pasang palam peranti pada soket di dinding sahaja, jangan gunakan kord sambungan.
- Sentiasa letakkan dan gunakan perkakas pada permukaan yang kering, stabil dan mendatar.
- Jangan gunakan perkakas dalam persekitaran dengan kelembapan tinggi seperti bilik mandi, tandas, dapur, kolam renang atau mana-mana persekitaran luar.
- Jangan duduk atau berdiri di atas perkakas. Jangan ketuk perkakas. Jangan letak apa jua item di atas perkakas.
- Sentiasa cabut palam perkakas apabila anda hendak memindahkan, membersihkan perkakas, menggantikan penapis atau melakukan penyelenggaraan lain.
- Apabila anda menghidupkan peranti, sentiasa pastikan penapis ada di dalam peranti.
- Julat suhu operasi peranti (ta) adalah daripada 0° hingga 40°C untuk fungsi kipas.
- Perkakas hanya dimaksudkan untuk penggunaan dalam rumah di bawah keadaan pengoperasian yang biasa.

- Anda disyorkan agar tidak menggunakan perkakas ini apabila anda merokok atau menggunakan penghalau serangga jenis asap atau membakar dupa dsb. kerana ini akan menjejaskan prestasi penulenan dan hayat penapis.
- Perkakas ini tidak mengeluarkan karbon monoksida (CO) atau radon (Rn). Perkakas tidak boleh digunakan sebagai peranti keselamatan jika kemalangan proses pembakaran dan bahan kimia berbahaya berlaku.



AMARAN

PRODUK INI MENGANDUNGI BATERI BUTANG

Jika tertelan, bateri butang litium boleh menyebabkan kecederaan yang teruk atau membawa maut dalam masa 2 jam.

Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak.

Jika anda berpendapat bahawa bateri mungkin telah ditelan atau dimasukkan ke dalam mana-mana bahagian badan, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

- Jika alat kawalan jauh melahu untuk tempoh yang lama, sila keluarkan bateri daripada alat kawalan jauh untuk mengelakkan kebocoran bateri.
- Jika cecair yang mengalir daripada bateri memasuki mata secara tidak sengaja, bilas mata dengan air bersih yang banyak, kemudian dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Jika cecair yang mengalir daripada bateri bersentuhan dengan kulit atau pakaian, sila bilas dengan air bersih yang banyak dengan segera.
- Ini ialah produk laser kelas 3R, elakkan pendedahan kepada mata secara langsung. Komponen laser ialah sebahagian daripada sensor habuk dan tidak boleh disentuh atau dilihat dalam penggunaan biasa.
- Output maksimum 5.0mW, jarak gelombang 650nm, gelombang berterusan, alur kolimat.



Dengan ini, DAP B.V. mengisytiharkan bahawa peralatan radio jenis AMF870 mematuhi Arahan 2014/53/EU. Teks penuh bagi pengisytiharan pematuhan EU tersedia menerusi alamat Internet berikut: www.philips.com.

Antara muka Wi-Fi standard berdasarkan 802.11b/g/n/ax pada 2.4GHz dengan kuasa output maksimum 64mW EIRP.

Bluetooth versi 5.2 (LE) pada frekuensi 2.4 GHz dengan output RF kurang daripada 10mW EIRP.

Medan elektromagnet (EMF)

Perkakas ini mematuhi piawaian dan peraturan berkaitan dengan pendedahan kepada medan elektromagnet.

Mengitar semula

Simbol ini bermaksud produk ini tidak boleh dibuang dengan sampah rumah biasa (2012/19/EU).



Simbol ini bermaksud bahawa produk ini mengandungi bateri pakai buang dan tidak harus dibuang dengan sampah rumah biasa (2006/66/EU).



Ikut peraturan negara anda berkenaan pengumpulan berasingan bagi produk elektrik dan elektronik serta bateri. Cara membuang yang betul akan membantu mencegah akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.



Mengeluarkan bateri pakai buang

Hanya alat kawalan jauh mengandungi bateri pakai buang.

Untuk mengeluarkan bateri pakai buang, lihat arahan pemasangan dan/atau pengeluaran bateri dalam manual pengguna.


Keluarkan bateri pakai buang yang kosong dari produk. Ikut langkah berjaga-jaga apabila anda membuang bateri pakai buang.

2 Air Performer anda


Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips!

Untuk memanfaatkan sokongan yang ditawarkan oleh Philips dengan sepenuhnya, daftar produk anda di www.philips.com/welcome.

Gambaran keseluruhan produk



Gambaran keseluruhan paparan




Butang kawalan

	Butang kuasa hidup/mati
--	-------------------------

Panel paparan

	Penanda Wi-Fi		Amaran pembersihan penapis
	Amaran penggantian penapis	PM 2.5	Paparan PM2.5
GAS	Paparan gas		Mod auto
	Mod turbo		Mod kendalian aplikasi
	Mod tidur		Penanda kunci keselamatan kanak-kanak
	Fungsi peredaran		Fungsi kipas
	Fungsi pemanasan		Bar kualiti udara

Gambaran keseluruhan alat kawalan jauh



*Tekan selama 3s: Mod turbo (🌀)


**Tekan selama 3s: Kunci keselamatan kanak-kanak (🔒)

3 Bermula

Memasang penapis

Tanggalkan semua pembungkusan daripada penapis sebelum penggunaan pertama.

Nota: Pastikan palam Air Performer dicabut daripada salur keluar elektrik sebelum memasang penapis.




- 1 Tarik dan tanggalkan penutup belakang daripada perkakas.
- 2 Keluarkan penapis daripada perkakas.
- 3 Tanggalkan semua bahan pembungkusan daripada penapis penulen udara.
- 4 Masukkan semula penuras ke dalam perkakas.
- 5 Pasang semula penutup belakang.

Menggunakan kawalan jauh buat kali pertama

Awas:

- **Risiko kerosakan produk! Apabila alat kawalan jauh tidak digunakan untuk tempoh yang lama, keluarkan bateri.**
- **Bateri mengandungi bahan kimia, maka bateri ini harus dilupuskan dengan betul.**

- 1 Tarik keluar filem plastik pada alat kawalan jauh untuk mengaktifkan bateri.
- 2 Anda boleh meletakkan alat kawalan jauh di atas perkakas dan alat kawalan jauh akan berdetap secara automatik.



Memahami penanda Wi-Fi

Status ikon Wi-Fi	Status sambungan Wi-Fi
Berkelip jingga	Menyambung kepada telefon pintar
Nyalaan jingga yang stabil	Disambungkan kepada telefon pintar
Berkelip putih	Menyambung kepada pelayan
Nyalaan putih yang stabil	Disambungkan kepada pelayan
Mati	Fungsi Wi-Fi dinyahdayakan

Sambungan Wi-Fi

Menyediakan sambungan Wi-Fi buat kali pertama

- 1 Muat turun dan pasang aplikasi **Air+** daripada **App Store** atau **Google Play**.
- 2 Pasang palam Air Performer pada soket kuasa dan sentuh  untuk menghidupkan Air Performer.
↳ Penanda Wi-Fi  akan berkelip jingga buat kali pertama.
- 3 Pastikan telefon pintar atau tablet anda disambungkan pada rangkaian Wi-Fi.
- 4 Lancarkan aplikasi **Air+** dan klik pada **"Tambahkan peranti"** atau tekan butang **"+"** pada skrin. Ikut arahan pada skrin untuk menyambungkan Air Performer kepada rangkaian anda.



Nota:

- *Arahan ini hanya boleh digunakan jika Air Performer disediakan buat kali pertama. Jika rangkaian telah ditukar atau persediaan perlu dilaksanakan sekali lagi, lihat Bab "Tetapkan semula sambungan Wi-Fi" pada halaman 9.*
- *Jika anda mahu menyambungkan lebih daripada satu Air Performer kepada telefon pintar atau tablet, anda perlu melakukan proses ini satu demi satu.*
- *Pastikan jarak di antara telefon pintar atau tablet anda dengan Air Performer kurang daripada 10 m tanpa sebarang halangan.*

Tetapkan semula sambungan Wi-Fi

Nota:


- *Tetapkan semula sambungan Wi-Fi jika rangkaian lalai anda telah ditukar.*
- 1 Pasang palam Air Performer pada soket kuasa dan sentuh butang  untuk menghidupkan Air Performer.
 - 2 Tekan lama butang  pada perkakas selama 7 saat sehingga dimatikan kuasa dan hidupkan semula kuasa, penunjuk Wi-Fi  akan berkelip jingga.
↳ Air Performer memasuki mod penggantian.
 - 3 Ikut langkah 3-4 dalam bahagian **"Menyediakan sambungan Wi-Fi buat kali pertama"**.

4 Menggunakan Air Performer

Memahami bar kualiti udara

Bar kualiti udara akan bernyala secara automatik apabila Air Performer dihidupkan dan semua warna lampu bernyala secara berjujukan. Selepas kira-kira 30 saat, sensor habuk akan memilih warna yang sepadan dengan kualiti udara sekeliling habuk bawaan udara.

Warna lampu kualiti udara ditentukan oleh indeks risiko tertinggi daripada penanda: PM2.5 (saiz habuk lebih kecil daripada 2.5 mikron) dan IAI (Indeks Alergen Dalam Rumah) dan Gas (VOC, bau dsb.). Paras IAI dan Kelembapan Relatif (RH) hanya tersedia melalui aplikasi.



PM2.5

Teknologi penerima **AeraSense** mengesan dan memberikan respons dengan tepat terhadap perubahan habuk dalam udara walaupun sedikit. Teknologi ini memberi anda jaminan dengan maklum balas PM2.5 dalam masa nyata.

Kebanyakan pencemar udara di dalam rumah adalah di bawah paras PM2.5 – yang merujuk pencemar habuk bawaan udara yang lebih kecil daripada 2.5 mikrometer. Sumber biasa habuk halus di dalam rumah ialah asap tembakau, memasak dan nyalaan lilin. Sesetengah bakteria bawaan udara dan spora kulapuk yang terkecil, alergen haiwan peliharaan dan partikel alergen hama habuk juga di bawah paras PM2.5.

Paras PM2.5	Warna cahaya kualiti udara	Paras kualiti udara
≤12	Biru	Baik
13-35	Biru-ungu	Sederhana
36-55	Ungu-merah	Lemah
>55	Merah	Sangat lemah

Gas merujuk paras gas yang berkemungkinan bahaya (termasuk VOC, bau dsb.).

Paras gas	Warna cahaya kualiti udara	Paras kualiti udara
L1	Biru	Baik
L2	Biru-ungu	Sederhana
L3	Ungu-merah	Lemah
L4	Merah	Sangat lemah

IAI merujuk Indeks Alergen dalam Rumah (hanya tersedia melalui aplikasi) Sensor **AeraSense** gred profesional akan mengesan paras alergen udara dalam rumah dan memaparkan maklum balas angka dari 1 hingga 12 untuk menandakan paras potensi risiko alergen udara dalam rumah. 1 menandakan kualiti udara terbaik.

Paras IAI	Warna cahaya kualiti udara	Paras kualiti udara
1-3	Biru	Baik
4-6	Biru-ungu	Sederhana
7-9	Ungu-merah	Lemah
10-12	Merah	Sangat lemah

Menghidupkan dan mematikan kuasa

Nota:

- Untuk prestasi penulenan yang optimum, tutup pintu dan tingkap.
- Jauhkan langsir daripada salur masuk udara atau salur keluar udara.
- Pasang palam perkakas pada salur keluar kuasa; jangan gunakan jalur kuasa.
- Jika perkakas beroperasi dalam mod pemanasan apabila anda mematikan perkakas, perkakas akan terus beroperasi selama 20 saat untuk menghabiskan baki haba. Kiraan detik akan dipaparkan pada panel paparan.

- 1 Pasang palam Air Performer pada soket kuasa.
- 2 Sentuh  untuk menghidupkan Air Performer.
 - ↳ Air Performer mengeluarkan bunyi bip.
 - ↳ "----" dipaparkan pada skrin semasa pemanasan. Kemudian Air Performer akan menunjukkan PM2.5/Paras gas selepas mengukur kualiti udara.
- 3 Sentuh dan tahan butang  selama 3 saat untuk mematikan Air Performer.



Nota: Jika Air Performer kekal bersambung kepada salur keluar elektrik selepas **DIMATIKAN**, Air Performer akan beroperasi mengikut tetapan sebelumnya apabila **DIHIDUPKAN** semula.

Ayunan

Tekan butang  untuk mengaktifkan ciri ayunan pada Air Performer anda, perkakas boleh berayun pada sudut yang berikut: 45°, 90°, 180°, 270°, 350° dan MATI.

- ↳ Sudut ayunan akan dipaparkan pada skrin.
- ↳ Jika tiada operasi dijalankan dalam masa 3 saat, perkakas akan kembali kepada paparan biasa.



Suis fungsi

Anda boleh memilih fungsi Peredaran (), fungsi Kipas () atau fungsi Pemanasan () dengan menekan butang . Anda boleh melaraskan kelajuan kipas atau suhu secara manual; lihat bahagian "**Menetapkan kelajuan kipas/suhu**".



Fungsi peredaran ():

Fungsi ini mengagihkan aliran udara resap untuk peredaran udara optimum dengan membuka saluran keluar belakang, memaksimumkan prestasi penulenan udara dan mengurangkan rasa dingin. Pada kelajuan yang lebih tinggi, tiupan lembut aliran udara akan menjadi lebih kuat melalui saluran keluar hadapan untuk meningkatkan kuasa pembersihan.



Fungsi kipas ():

Mewujudkan aliran udara berkuasa yang bersih dengan rasa semula jadi dan menyenangkan. Dengan reka bentuk yang tidak berbilah, fungsi kipas menghasilkan tiupan angin yang tidak terlalu kuat dengan aliran udara kipas yang konsisten.




Fungsi pemanasan ():

Dengan teknologi seramik PTC berkuasa, Air Performer dipanaskan dalam masa 3 saat untuk memberi anda kehangatan dengan pantas.


Menetapkan kelajuan kipas/suhu

Anda boleh menetapkan kelajuan kipas atau suhu secara manual dengan menekan butang anak panah ( / ) pada alat kawalan jauh.



Dalam fungsi **Kipas/Peredaran**, tekan butang $\triangle/\nabla$ untuk melaraskan kelajuan kipas yang berjulat daripada 1 hingga 10.

- ↳ Kelajuan kipas akan dipaparkan di bahagian kiri skrin.
- ↳ Jika tiada operasi dijalankan dalam masa 3 saat, perkakas kembali kepada paparan biasa.



Dalam fungsi **Pemanasan**, tekan butang $\triangle/\nabla$ untuk melaraskan suhu yang berjulat daripada 1°C hingga 37°C.

- ↳ Suhu akan dipaparkan di bahagian kiri skrin.
- ↳ Jika tiada operasi dijalankan dalam masa 3 saat, perkakas kembali kepada paparan biasa.

Nota:

- Untuk prestasi pemanasan yang optimum, anda boleh menekan butang $\triangle$ untuk menetapkan suhu yang lebih tinggi.

Mod turbo

Nota:

- Mod ini akan menukar perkakas kepada mod peredaran untuk memaksimumkan prestasi penulenan.

Perkakas membuka semua saluran keluar udara dan membersihkan udara pada kelajuan maksimum. Tekan dan tahan butang ⌂ selama 3 saat untuk mengaktifkan mod Turbo (⌂).

- ↳ Penanda ⌂ dipaparkan pada skrin.
- ↳ Perkakas bertukar kepada fungsi Peredaran secara automatik dan berjalan pada kelajuan tertinggi.



Suis mod

Anda boleh memilih mod Auto atau mod Tidur dengan menekan butang ⊙ .

Nota:

- Mod kendalian Aplikasi HANYA tersedia melalui aplikasi selepas sambungan Wi-Fi berjaya.



Auto (A): Perkakas melaraskan tetapan secara automatik untuk menghasilkan prestasi yang terbaik.



Mod tidur (C): Perkakas beroperasi dengan senyap pada kelajuan rendah. Selepas 3 saat, lampu skrin akan dimatikan.



Mod kendalian Aplikasi (phone icon): Perkakas menggunakan mod yang hanya tersedia melalui aplikasi.

Menyediakan kunci keselamatan kanak-kanak

- 1 Tekan butang selama 3 saat untuk mengaktifkan kunci keselamatan kanak-kanak.
↳ dipaparkan pada skrin.
- 2 Tekan butang selama 3 saat sekali lagi untuk menyahaktifkan kunci keselamatan kanak-kanak.
↳ hilang daripada skrin.



Menetapkan pemasa

Dengan pemasa, anda boleh membiarkan perkakas beroperasi selama beberapa jam yang ditetapkan. Apabila masa yang ditetapkan telah berlalu, perkakas akan dimatikan secara automatik.

- 1 Tekan butang berulang kali untuk memilih bilangan jam yang anda inginkan perkakas beroperasi.
↳ 0.5j, 1j, 4j atau 8j tersedia.



- 2 Untuk menyahaktifkan pemasa, tekan butang  berulang kali sehingga MATI dipaparkan pada skrin.

Sensor cahaya

Dengan sensor cahaya:

- Panel kawalan boleh dihidupkan, dimatikan atau dimalapkan secara automatik mengikut cahaya sekeliling.
- Panel kawalan akan dimatikan atau dimalapkan apabila suasana sekeliling gelap.

Anda boleh menyentuh sebarang butang untuk menghidupkan semua lampu. Jika tiada operasi lanjut, semua lampu akan dimatikan atau dimalapkan sekali lagi untuk dipadankan dengan cahaya sekeliling.

5 Pembersihan dan penyelenggaraan

Nota:

- *Cabut palam perkakas setiap kali sebelum anda mula membersihkan perkakas.*
- *Jangan sekali-kali merendam perkakas di dalam air atau sebarang cecair lain.*
- *Jangan gunakan agen pencucian bersifat pelelas, agresif atau mudah terbakar seperti peluntur atau alkohol untuk membersihkan sebarang bahagian perkakas.*
- *Jangan sekali-kali menggunakan sebarang cecair (termasuk air) untuk membersihkan penapis.*

Jadual pembersihan

Kekerapan	Kaedah pembersihan
Apabila perlu	Lap bahagian plastik perkakas dengan kain lembut yang kering
	Bersihkan penutup salur keluar udara
Setiap dua bulan	Bersihkan sensor habuk dengan pembersih vakum atau kapas kesat yang kering.
 dipaparkan pada skrin.	Bersihkan permukaan penapis

Membersihkan badan Air Performer

Bersihkan bahagian dalam dan luar badan Air Performer dengan kerap untuk mengelakkan habuk terkumpul.


- Gunakan kain lembut yang kering untuk membersihkan bahagian dalam dan luar Air Performer dan salur keluar udara.

Membersihkan sensor habuk

Bersihkan sensor habuk setiap 2 bulan supaya perkakas dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya.


Nota:

- Jika Air Performer digunakan dalam persekitaran berhabuk, perkakas mungkin perlu dibersihkan dengan lebih kerap.
- Jika paras kelembapan di dalam bilik sangat tinggi, pemeluwapan mungkin terbentuk pada sensor habuk dan lampu kualiti udara mungkin menunjukkan kualiti udara yang lebih rendah walaupun kualiti udara sebenarnya baik. Jika hal ini berlaku, bersihkan sensor habuk.




- 1 Matikan Air Performer dan cabut palam daripada soket kuasa.
- 2 Bersihkan sensor habuk dengan pembersih vakum atau kapas kesat yang kering.

Membersihkan permukaan penapis




Status lampu amaran penapis	Tindakan
Amaran pembersihan penapis  dipaparkan pada skrin.	Bersihkan permukaan penapis dengan pembersih vakum.

- 1 Matikan Air Performer dan cabut palam daripada soket kuasa.



- 2 Tarik dan tanggalkan penutup belakang daripada perkakas.
- 3 Keluarkan penapis daripada perkakas.
- 4 Bersihkan permukaan penapis dengan pembersih vakum.

- 5 Masukkan semula penuras ke dalam perkakas.
- 6 Pasang semula penutup belakang.
- 7 Pasang palam Air Performer pada soket kuasa.
- 8 Tekan butang  untuk menghidupkan perkakas.
- 9 Tekan dan tahan butang  dan  selama 3 saat untuk menetapkan semula masa pembersihan penapis.
- 10 Basuh tangan anda dengan bersih selepas membersihkan penapis.




Menggantikan penuras

Air Performer ini dilengkapi dengan penanda penggantian penapis untuk memastikan penapis penulen udara berada dalam keadaan optimum semasa Air Performer beroperasi. Apabila penapis perlu digantikan, amaran penggantian penapis  menyala merah.

Menggantikan penapis


Nota:

- *Penapis tidak boleh dibasuh atau digunakan semula.*
- *Sentiasa matikan Air Performer dan cabut palam daripada salur keluar elektrik sebelum menggantikan penapis.*



Status lampu amaran penapis	Tindakan
Amaran penggantian penapis  menyala	Gantikan penapis (FYM860)


- 1 Matikan Air Performer dan cabut palam daripada soket kuasa.



- 2 Tarik dan tanggalkan penutup belakang daripada perkakas.
- 3 Keluarkan penapis daripada perkakas.
- 4 Tanggalkan semua bahan pembungkusan daripada penapis baru.

- 5 Masukkan penapis baru ke dalam perkakas.
- 6 Pasang semula penutup belakang.
- 7 Pasang palam Air Performer pada soket kuasa.
- 8 Tekan butang  untuk menghidupkan perkakas.
- 9 Tekan dan tahan butang  dan  selama 3 saat untuk menetapkan semula pembilang hayat penapis.
- 10 Basuh tangan anda dengan bersih selepas menggantikan penapis.



Nota: *Jangan hidu penapis kerana penapis telah mengumpulkan pencemar daripada udara.*



Tetap semula penapis

Anda boleh menggantikan penapis sebelum amaran penggantian penapis () dipaparkan pada skrin. Selepas menggantikan penapis, anda perlu menetapkan semula pembilang hayat penapis secara manual.

- 1 Tekan butang  selama 3 saat untuk mematikan perkakas dan cabut palam daripada soket kuasa.




- 2 Pasang palam perkakas pada soket kuasa.
- 3 Dalam masa 15 saat selepas kuasa dihidupkan, tekan dan tahan butang  dan  selama 3 saat untuk menetapkan semula pembilang hayat penapis.


Menggantikan bateri

Amaran:


- **Risiko tertelan bateri!** Alat kawalan jauh mengandungi bateri butang yang boleh ditelan. Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa!
- Jika tertelan, bateri ini boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian. Kelecuran dalaman yang teruk boleh berlaku dalam masa dua jam selepas tertelan bateri ni.
- Jika tertelan bateri, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Apabila anda menukar bateri, pastikan semua bateri baru dan lama jauh dari jangkauan kanak-kanak.
- Pastikan penutup petak bateri telah ditutup dengan kemas selepas anda menggantikan bateri.




- 1 Putarkan penutup petak baterai melawan arah jam untuk membuka penutup.



- 2 Keluarkan baterai yang telah digunakan daripada petak baterai.



- 3 Masukkan baterai CR2032 baru dengan kekutuban yang betul seperti yang dinyatakan.



- 4 Tutup dan putarkan penutup petak baterai mengikut arah jam untuk menutup penutup.

6 Penyimpanan

- 1 Matikan Air Performer dan cabut palam daripada soket kuasa.
- 2 Bersihkan Air Performer, sensor habuk dan permukaan penapis (lihat bab "Pembersihan dan penyelenggaraan").
- 3 Pastikan semua bahagian dikeringkan sepenuhnya sebelum disimpan.
- 4 Balut penapis dengan beg plastik kedap udara.
- 5 Letakkan penapis Air Performer di tempat yang sejuk dan kering.
- 6 Basuh tangan anda dengan bersih setiap kali selepas mengendalikan penapis.

7 Penyelesaian masalah

Bab ini meringkaskan masalah paling lazim yang anda hadapi dengan perkakas. Jika anda tidak dapat menyelesaikan masalah dengan maklumat di bawah, hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda.

Masalah	Penyelesaian yang mungkin
Aliran udara yang keluar daripada salur keluar udara lebih perlahan berbanding sebelumnya.	• Permukaan penapis kotor. Bersihkan permukaan penapis (lihat bab "Pembersihan dan penyelenggaraan").
Kualiti udara tidak meningkat walaupun perkakas telah beroperasi untuk jangka masa yang panjang.	• Pastikan bahan pembungkusan dikeluarkan daripada penapis. • Pastikan penapis telah dipasang di dalam perkakas. • Bersihkan sensor dengan pembersih vakum atau kapas kesat yang kering. • Saiz bilik terlalu besar atau kualiti udara luar tidak baik. Untuk prestasi penulenan yang optimum, tutup pintu dan tingkap semasa mengendalikan perkakas. • Terdapat sumber pencemaran di dalam rumah. Contoh termasuk asap rokok, asap memasak, kemenyan, pewangi dan alkohol. • Penapis telah mencapai akhir hayatnya. Gantikan penapis dengan penapis yang baru.
Perkakas saya tidak dimatikan dengan serta-merta dalam mod pemanasan.	• Jika perkakas beroperasi dalam mod pemanasan apabila anda mematikan perkakas, perkakas akan terus beroperasi selama beberapa saat untuk menghabiskan baki haba.

Masalah	Penyelesaian yang mungkin
Perkakas mengeluarkan bau yang aneh.	• Beberapa kali pertama anda menggunakan perkakas, ia mungkin mengeluarkan bau plastik. Ini perkara biasa. • Jika perkakas mengeluarkan bau terbakar, cabut palam perkakas dengan serta-merta. Sila hubungi pengedar Philips anda atau pusat servis Philips yang sah. • Penapis mungkin mengeluarkan bau selepas digunakan seketika disebabkan oleh penyerapan gas di dalam rumah. Anda disyorkan agar mengaktifkan semula penapis dengan meletakkan penapis di bawah cahaya matahari langsung untuk penggunaan berulang. Jika bau masih ada, gantikan penapis.
Perkakas berbunyi kuat.	• Paras hingar lebih tinggi jika anda memilih kelajuan tinggi. Sila tukar kepada mod kelajuan rendah. • Jika terdapat bunyi yang luar biasa, hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda.
Perkakas masih menunjukkan bahawa saya perlu menggantikan penapis, tetapi saya sudah menggantikannya.	• Mungkin anda tidak menetapkan semula pembilang hayat penapis. Hidupkan suis perkakas. Kemudian tekan dan tahan  dan  selama 3 saat.
Fungsi pemanasan tidak berfungsi.	• Semak sama ada suhu sekeliling telah mencapai suhu sasaran. Jika begitu, perkakas akan menghentikan pemanasan. • Semak sama ada suhu sasaran adalah lebih rendah daripada suhu sekeliling. Jika begitu, perkakas akan menghentikan pemanasan. • Periksa sama ada pembungkusan penapis telah ditanggalkan. Jika tidak, fungsi pemanasan mungkin berhenti beroperasi untuk perlindungan. • Periksa sama ada salur masuk udara atau salur keluar udara tersekat. Jika begitu, fungsi pemanasan mungkin berhenti beroperasi untuk perlindungan.
Bolehkah saya mematikan ciri Wi-Fi pada perkakas saya?	• Wi-Fi ialah ciri utama perkakas anda. Atas sebab ini, perkakas tidak boleh dimatikan secara manual. Harap maklum bahawa ciri Wi-Fi akan dimatikan secara automatik jika perkakas anda tidak disambungkan dalam masa 15 minit selepas menghidupkan peranti dan memasang palam kabel buat kali pertama. Tekan lama butang  pada perkakas selama 7 saat untuk mengaktifkan semula mod pengkandungan.

Masalah	Penyelesaian yang mungkin
Apakah maksud kod pada perkakas saya?	• Kod ralat "E1" dipaparkan pada skrin. Motor telah rosak. Hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda. • Kod ralat "E6" dipaparkan pada skrin. Pemanas telah rosak. Hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda. 1. Cabut palam Penulen Udara Philips 3 dalam 1 daripada soket. 2. Buka penutup belakang dan periksa sama ada pembungkusan penapis telah ditanggalkan. Jika tidak, sila tanggalkan pembungkusan penapis sepenuhnya, pasang semula penapis pada peranti dan pasang semula penutup belakang. 3. Periksa sama ada salur masuk udara atau salur keluar udara tersekat. Jika begitu, sila alihkan objek tersebut. 4. Tunggu selama 1 minit, kemudian pasang semula palam peranti dan hidupkan kuasa. Jika langkah di atas berjaya menyelesaikan isu, sila hubungi kami.
Tiada aliran udara atau aliran udara sangat perlahan daripada salur keluar udara peredaran.	• Periksa sama ada perkakas berada dalam fungsi kipas/pemanasan. • Periksa sama ada terdapat objek yang tersekat di sekeliling salur keluar udara peredaran.

Masalah	Penyelesaian yang mungkin
Persediaan Wi-Fi tidak berjaya.	• Jika penghala yang bersambung kepada perkakas anda adalah dwijalur dan penghala tidak bersambung kepada rangkaian 2.4GHz, sila tukar kepada jalur lain bagi penghala yang sama (2.4GHz) dan cuba gandingkan Air Performer anda sekali lagi. Rangkaian 5GHz tidak disokong. • Rangkaian pengesahan web tidak disokong. • Periksa sama ada perkakas berada dalam julat penghala Wi-Fi. Anda boleh cuba meletakkan Air Performer lebih dekat dengan penghala Wi-Fi. • Semak sama ada nama rangkaian adalah betul. Nama rangkaian adalah sensitif huruf. • Pastikan kata laluan Wi-Fi adalah betul. Kata laluan adalah sensitif huruf. • Cuba semula persediaan mengikut arahan dalam bahagian "Sambungan Wi-Fi". • Kesambungan Wi-Fi boleh terganggu oleh elektromagnet atau gangguan lain. Jauhkan perkakas daripada peranti elektronik lain yang boleh menyebabkan gangguan. • Periksa sama ada peranti mudah alih berada dalam mod pesawat. Pastikan mod pesawat dinyahaktifkan apabila menyambung kepada rangkaian Wi-Fi. • Rujuk bahagian bantuan dalam aplikasi untuk mendapatkan petua penyelesaian masalah yang menyeluruh dan terkini.

8 Jaminan dan sokongan

Versuni menawarkan jaminan dua tahun selepas pembelian produk ini. Jaminan ini tidak sah jika terdapat kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan salah atau penyelenggaraan yang tidak dilakukan dengan baik. Jaminan kami tidak menjejaskan hak anda menurut undang-undang sebagai pengguna. Untuk maklumat lanjut atau menggunakan jaminan, sila lawati laman web kami www.philips.com/support.

Pesan barang-barang ganti atau aksesori

Jika anda perlu menggantikan bahagian atau ingin membeli bahagian tambahan, pergi ke penjual anda atau lawati www.philips.com/support.

Jika anda menghadapi masalah mendapatkan barang-barang ganti, sila hubungi Pusat Layanan Pelanggan Philips di negara anda.



Philips dan Lambang Perisai Philips ialah tanda dagangan berdaftar Koninklijke Philips N.V. dan digunakan secara berlesen.

Produk ini telah dikeluarkan oleh dan dijual di bawah tanggungjawab Versuni Holding B.V., dan Versuni Holding B.V. ialah penjamin bagi produk ini.

2023 © Versuni Holding B.V.

AMF870_manual pengguna_v1.0 (22/11/2023)

